

Kerajaan perluas khidmat online

BH 19.10.2007 MG 17

Sistem menerusi talian bantu tingkat penyampaian

KUALA LUMPUR: Pemudah, pasukan petugas yang dibentuk oleh kerajaan untuk membantu sektor perniagaan, melihat penggunaan komputer sebagai cara berkesan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan, yang juga pengerusi bersama Pemudah, berkata kerajaan akan menggalakkan lebih banyak perkhidmatan secara online bagi kemudahan orang ramai.

Menerusi projek e-KL Unit Pemodelan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAM-PU), bilangan perkhidmatan online akan ditambah kepada 5,000 menjelang tahun 2010 daripada 400 sekarang.

Dalam satu taklimat baru-baru ini, Sidek berkata sistem penyampaian perkhidmatan awam adalah antara faktor utama yang akan menentukan sama ada sesebuah negara itu adalah lokasi yang baik untuk perniagaan dan pelaburan, bukan saja kepada pelabur asing tetapi juga kepada pelabur tempatan.

Katanya, BLESS (Business Licensing and Electronic Support Services) adalah antara inisiatif terbaru bertujuan mengurangkan kerenah birokrasi dan memudahkan cara un-

tuk menjalankan perniagaan di Malaysia.

BLESS adalah pusat sehati yang memantau dan memudahkan proses kelulusan permohonan mendapatkan lesen perniagaan.

Menerusi BLESS, kerajaan berharap untuk mengurangkan masa memberikan kelulusan dan mengeluarkan lesen perniagaan.

Setakat ini, BLESS berjaya mengurangkan masa meluluskan lesen permohonan kepada sekitar 23 hari dari 40 hingga 59 hari sebelum ini, selain membenarkan industri perhotelan membuat permohonan lesen dan per-

mit secara online.

Sidek berkata, ketelusan dan integriti terus menjadi keutamaan kerajaan pimpinan, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Seorang anggota lembaga Pemudah, Tan Sri G Gnanalingam, berkata satu lagi penambahbaikan hasil daripada kewujudan Pemudah ialah bilangan aduan terhadap Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sudah berkurangan.

Sebelum ini, banyak sungutan bahawa lembaga itu gemar mengenakan denda terhadap kesalahan membayar cukai tetapi lewat mengeluarkan bayaran balik cukai.

Ini diatasi menerusi campur tangan Pemudah kerana pada masa ini bayaran balik cukai dibuat dalam tempoh 14 hingga 30 hari berbanding setahun atau lebih sebelumnya.

Gnanalingam berkata, LHDN kini membuat bayaran balik cukai walaupun pembayar cukai tidak membuat permohonan.

Beliau berkata sebarang langkah untuk menjadikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan lebih cekap dan telus boleh dilihat sebagai satu pendekatan antirasuah kerana ia mengurangkan ruang untuk rasuah hasil daripada sistem dan prosedur yang lebih baik.

“BLESS antara inisiatif terbaru mengurangkan kerenah birokrasi dan memudahkan cara untuk menjalankan perniagaan di Malaysia”

Sidek Hassan
Ketua Setiausaha Negara